**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR**
(SELANGOR STATE TREASURY)
MALAYSIA

**"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"**

Ruj. Kami : PWN.SEL. 558. T10. 30 (42)
Tarikh : 21 Oktober 2016

***SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN***

YB. Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato' Setia/Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**LARANGAN PENGGUNAAN CEK BAGI SEMUA JENIS TERIMAAN DI PEJABAT PEMUNGUT NEGERI SELANGOR**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan, penelitian oleh Perbendaharaan Negeri Selangor mendapati wujudnya permasalahan berkaitan transaksi cek tak laku bagi terimaan melalui cek oleh beberapa Pejabat Pemungut Negeri Selangor. Pihak Pejabat Pemungut juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan penggantian cek tak laku tersebut daripada pihak pembayar. Perkara ini menyebabkan kehilangan hasil / kerugian di pihak Kerajaan Negeri Selangor.

3. Justeru, Perbendaharaan Negeri Selangor dengan ini membuat ketetapan akan larangan penggunaan cek bagi semua jenis terimaan di Pejabat Pemungut Negeri Selangor. Semua Pejabat Pemungut adalah dikehendaki untuk mematuhi arahan ini tanpa gagal mulai 1 November 2016.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(MOHD REDZUAN BIN HASAN)**
Bendahari Negeri
Selangor Darul Ehsan

s.k. YB Pegawai Kewangan Negeri
Perbendaharaan Negeri Selangor